

Kurangkan politiking – Najib

MM: 8/7/2007



NAJIB Tun Razak dan Dr. Mohd. Yusof Noor memotong kek bersama peserta seminar sempena Sambutan Jubli Emas Hari Peneroka 2007, pada majlis Malam Semai Bakti 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya malam tadi.

SEGAMAT 7 Julai – Ahli-ahli UMNO diminta mengurangkan politiking sebaliknya menumpukan kepada usaha meningkatkan kemampuan orang Melayu bagi menghadapi pelbagai kesan daripada globalisasi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, ini kerana usaha-usaha pembinaan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju dan mampu bersaing di dalam era globalisasi perlu dipertingkatkan kerana matlamat untuk muncul sebagai kaum yang maju pada tahun 2020 semakin hampir.

Pada masa yang sama katanya, masyarakat Melayu tidak seharusnya tertekan, sebaliknya perlu yakin untuk bersaing bagi melahirkan gagasan baru untuk memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih hebat.

Beliau berkata, dengan semangat ini, perjuangan UMNO dalam membantu orang Melayu di negara ini masih relevan sekali gus menjadikan parti itu tidak kaku atau kolot.

“Sebaliknya, kita sentiasa melakukan reka-

yasaan kepada parti ini supaya dasar ini berseesuaian dan relevan mengikut arus zaman.

“Contoh rekayasa yang UMNO lakukan di negara ini termasuk mewujudkan agensi perintis kepada kejayaan ekonomi negara sejak lebih 30 tahun lalu termasuk Mara, Bernas, Felda, Felcra, BSN, RISDA sehingga kepada kewujudan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Segamat di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Gemereh di sini, hari ini.

Najib berkata, dahulu orang Melayu hanya terlibat dalam urusan pentadbiran dan syarikat tempatan hanya menguasai sejumlah 30 peratus pegangan syarikat yang melabur ke negara ini.

“Tetapi hari ini, kita tidak bimbang jika syarikat itu dimiliki 100 peratus orang luar jika kita sendiri mampu mempunyai kilang yang 100 peratusnya milik orang Melayu atau bumiputera,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Men-

teri turut mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak melupakan perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu termasuk daripada parti-parti komponen.

Kata beliau, pemimpin terdahulu menggunakan pendekatan yang tepat dan bijaksana apabila tidak menggunakan kekerasan, ugutan atau paksaan dalam menentukan pemerintahan kerajaan dan parti.

“Apabila menggunakan kebijaksanaan dalam membuat keputusan, mereka menggunakan akal dan fikiran dan tiada perasaan iri hati serta politik perkauman yang ekstrem sebaliknya mengambil pendekatan secara sederhana,” kata beliau.

Najib kemudiannya menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Segamat, Datuk Abdul Rahman Abu Bakar dan isteri, Datin Siti Saedah Attan di Jalan Temenggong, dekat sini.

Ia adalah antara Yantti Rafeedah Abdul Rahman dengan pasangannya, Mohd. Nizan Yusof.